



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2014

Semua Pegawai Pengawal,
Semua Ketua Jabatan/Agensi Persekutuan,

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM

TUJUAN

Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Badan Berkanun dan Ketua Agensi-agensi lain yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan 11 langkah penjimatan yang diumumkan oleh Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari 2014 dalam usaha untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014. Keputusan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Disember 2013.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN

Elaun Keraian/Imbuan Tetap Keraian

3. Elaun Keraian YB Menteri dan YB Timbalan Menteri dikurangkan sebanyak 10 peratus. Imbuan Tetap Keraian bagi pegawai kanan Kerajaan dikurangkan di antara 5 hingga 10 peratus iaitu 5 peratus bagi Jawatan Utama

Sektor Awam (JUSA)/Gred Khas C, 6 peratus bagi JUSA/Khas B, 8 peratus bagi JUSA/Khas A dan 10 peratus bagi Turus III dan ke atas.

Kemudahan Bayaran Tol

4. Kemudahan bayaran tol yang diberi kepada pegawai kanan Kerajaan adalah dikurangkan seperti berikut:

4.1 RM50 bagi Gred JUSA/Khas C hingga A; dan

4.2 RM100 bagi Turus III dan ke atas.

Kelayakan Tiket Penerbangan dan Perjalanan ke Luar Negara

5. Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik dan antarabangsa bagi penjawat awam adalah dipinda seperti berikut:

5.1 Penerbangan domestik:

<i>Gred</i>	<i>Kelas</i>
JUSA/Khas B dan ke atas JUSA/Khas C dan ke bawah	Perniagaan Ekonomi

5.2 Penerbangan antarabangsa:

<i>Gred</i>	<i>Kelas</i>
JUSA/Khas A dan ke atas JUSA/Khas B dan C Gred 54 dan ke bawah	Satu Perniagaan Ekonomi

6. Kekerapan perjalanan atas tugas rasmi ke luar negara bagi Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Jabatan adalah dihadkan kepada maksimum empat (4) kali setahun.

Kos Utiliti Elektrik

7. Usaha pengurangan penggunaan utiliti seperti elektrik, air dan alat perhubungan hendaklah dilaksanakan melalui penyediaan dan penguatkuasaan peraturan dalaman kementerian/jabatan/agensi. Amalan penjimatan hendaklah sentiasa dilaksanakan bagi mengurangkan perbelanjaan utiliti. Sebagai langkah permulaan, kementerian/jabatan/agensi dikehendaki membuat penjimatan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik pada tahun 2014. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan akan menyekat 5 peratus daripada peruntukan utiliti di bawah perbelanjaan mengurus 2014.

Pengubahsuaian Ruang Pejabat

8. Semua permohonan baharu bagi pengubahsuaian ruang pejabat Kementerian/jabatan/agensi adalah dibekukan.

Sewaan Ruang Pejabat

9. Kementerian/jabatan/agensi hendaklah mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan sebagai pejabat. Semua cadangan untuk menyewa pejabat baharu/tambahan sewaan ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan.

Pelantikan Perunding

10. Pelantikan perunding (*consultant*) untuk projek-projek fizikal Kerajaan termasuk menjalankan kajian kemungkinan/kesesuaian (*feasibility study*) dan juga perunding-perunding pengurusan yang lain (*management consultant*) hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) untuk kelulusan.

Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (*Event Management*)

11. Semua Kementerian/jabatan/agensi Kerajaan hendaklah mengurangkan penggunaan syarikat pengurusan acara (*event management*) serta pemberian suguhati dan cenderamata semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/*retreat*/majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya.

Makanan dan Minuman

12. Kementerian/jabatan/agensi hendaklah mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya.

Kain Pemedang (*bunting* dan *banner*)

13. Kementerian/jabatan/agensi hendaklah mengurangkan penggunaan kain pemedang (*bunting* dan *banner*) bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan

14. Semua Kementerian/jabatan/agensi hendaklah mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dan juga kemudahan di institusi

latihan milik Kerajaan bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/kursus/bengkel dan sebagainya.

ARAHAN-ARAHAN UMUM

15. Langkah-langkah penjimatan ini hendaklah dipatuhi oleh semua kementerian/jabatan/agensi Kerajaan dan agensi-agensi lain yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan.


16. Langkah-langkah penjimatan ini perlu dibacakan bersekali dengan garis panduan perbelanjaan berhemat lain yang sedang berkuatkuasa.

TARIKH KUATKUASA

17. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

2 Januari 2014

s.k.:

*Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Setiausaha Kerajaan Negeri
Pegawai Kewangan Negeri*